

Homecare Fungizap® Cream 1% w/w

Clotrimazole (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Homecare Fungizap® Cream 1% w/w
2. Bagaimana Homecare Fungizap® Cream 1% w/w berfungsi
3. Sebelum menggunakan Homecare Fungizap® Cream 1% w/w
4. Cara menggunakan Homecare Fungizap® Cream 1% w/w
5. Semasa menggunakan Homecare Fungizap® Cream 1% w/w
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Homecare Fungizap® Cream 1% w/w
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Homecare Fungizap® Cream 1% w/w

Homecare Fungizap® Cream 1% w/w digunakan untuk merawat jangkitan kulat kulit seperti penyakit kaki makan air, panau, kurap, jangkitan kulat pada tisu berhampiran bahagian kuku, jangkitan kulat pada bahagian lipatan kulit dan *erythrasma* (kemerahan / kerengsaan kulit).

Bagaimana Homecare Fungizap® Cream 1% w/w berfungsi

Bahan aktif dalam Homecare Fungizap® Cream 1% w/w adalah *clotrimazole*. *Clotrimazole* tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan *imidazole*. Cara tindakan utama *clotrimazole* adalah perencatan proses pembahagian dan pertumbuhan kulat. *Clotrimazole* mengubah ketertelapan dinding sel kulat dan merencatkan aktiviti enzim dalam sel. Ia bertindak spesifik dalam menghalang biosintesis *ergosterol* yang diperlukan untuk penghasilan membran sel.

Sebelum menggunakan Homecare Fungizap® Cream 1% w/w

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah (hipersensitif) kepada *clotrimazole* atau sebarang bahan yang lain.

- Sebelum menggunakan Homecare Fungizap® Cream 1% w/w

Jika anda hamil, menyusu badan atau merancang untuk hamil, beritahu doktor atau bidan anda sebelum menggunakan

Homecare Fungizap® Cream 1% w/w. Jika anda sudah memberitahu doktor atau bidan anda, ikut arahan mereka dengan teliti. Sebagai langkah berjaga-jaga, penggunaan *clotrimazole* semasa trimester pertama kehamilan perlu dielakkan. Penyusuan badan perlu dihentikan semasa rawatan dengan *clotrimazole*.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Tidak diketahui.

Cara menggunakan Homecare Fungizap® Cream 1% w/w

- Berapa banyak harus digunakan

- Jika terdapat jangkitan pada kaki, bersihkan dan keringkan kaki dengan teliti, terutamanya bahagian celah jari kaki, sebelum menyapukan krim.
- Homecare Fungizap® Cream 1% w/w hendaklah disapu dengan nipis dan rata pada bahagian yang dijangkiti, sebanyak dua atau tiga kali sehari.
- Amaun krim sepanjang 1/2cm adalah mencukupi untuk merawat kawasan lebih kurang seluas saiz tangan.
- Gejala jangkitan kulit seperti kegatalan atau kepedihan, sepatutnya akan berkurangan dalam beberapa hari rawatan meskipun tanda-tanda seperti kemerahan dan pengelupasan mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk hilang.
- Jika gejala masih berterusan, sila dapatkan nasihat daripada doktor anda.
- Pesakit harus memaklumkan kepada doktor mereka jika tiada penambahbaikan selepas 4 minggu rawatan.

- Bila perlu digunakan

Krim boleh disapukan pada bila-bila masa. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Untuk memastikan penyembuhan sepenuhnya, bergantung kepada jenis jangkitan, rawatan perlu diteruskan mengikut jenis-jenis jangkitan yang dijelaskan di bawah walaupun gejala jangkitan telah hilang:

- Penyakit kaki makan air, kurap, jangkitan kulat pada tisu

berhampiran bahagian kuku dan bahagian lipatan kulit: 3-4 minggu atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

- *Erythrasma* (kemerahan / kerengsaan kulit): 2-4 minggu atau seperti yang diarahkan oleh doktor.
- Panau: 1-3 minggu atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapu krim secepat yang mungkin, kemudian teruskan rawatan seperti biasa.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebi dos)

- Tiada kes terlebi dos yang diketahui dengan Homecare Fungizap® Cream 1% w/w.
- Tiada ubat khusus untuk merawat terlebi dos.
- Krim ini hanya untuk kegunaan pada kulit.
- Jika terlebi guna pada kulit, cuci dengan air dan sabun lembut, hentikan penggunaan, dan jumpa doktor jika perlu.
- Jika krim ini tertelan secara tidak sengaja, jumpa doktor dengan segera untuk rawatan yang sesuai.

Semasa menggunakan Homecare Fungizap® Cream 1% w/w

- Perkara yang perlu dilakukan

Anda boleh membantu memastikan rawatan menjadi berkesan jika anda mengikut petua-petua mudah yang boleh membantu diri anda seperti berikut:

- Jaga kebersihan kulit yang dijangkiti.
- Beri perhatian khusus untuk mengeringkan kulit, tetapi elakkan tindakan menggosok yang berlebihan.
- Jangan berkongsi tuala, tikar mandi, dan sebagainya dengan orang lain kerana anda boleh menyebarkan jangkitan kepada mereka.
- Sentiasa basuh tangan anda selepas merawat jangkitan supaya dapat mencegah jangkitan kepada orang lain.

Homecare Fungizap[®] Cream 1% w/w

Clotrimazole (1% w/w)

Jika anda mengalami penyakit kaki makan air:

- Jangan lupa untuk mengeringkan kulit di bahagian celah jari kaki dengan teliti.
- Basuh stoking, sarung kaki dan seluar ketat anda dengan teliti dalam air panas untuk menghilangkan sebarang kulit mati atau spora kulat.
- Tukar kasut anda setiap hari jika boleh.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Homecare Fungizap[®] Cream 1% w/w adalah untuk kegunaan luaran sahaja.
- Jangan masukkan krim ke dalam mulut atau menelannya.
- Sungguhpun bahagian yang dijangkiti akan terasa gatal, cuba jangan menggaru. Menggaru akan merosakkan permukaan kulit dan menyebabkan jangkitan merebak.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Krim ini mengandungi *stearyl alcohol*, yang mungkin menyebabkan reaksi kulit setempat (contohnya, dermatitis sentuhan).
- Penggunaan *clotrimazole* semasa trimester pertama kehamilan perlu dielakkan.
- Penyusuan badan perlu dihentikan semasa rawatan dengan *clotrimazole*.
- Tiada pengaruh atau pengaruhnya boleh diabaikan terhadap keupayaan memandu atau mengendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Homecare Fungizap[®] Cream 1% w/w boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Seperti semua ubat, sesetengah orang mungkin alah kepada krim ini. Jika anda alah, kesan tindak balas akan berlaku selepas anda mula menggunakannya. Jika anda mengalami tindak balas alahan, hentikan penggunaan Homecare Fungizap[®] Cream 1% w/w.

Tanda-tanda tindak balas alahan mungkin termasuk:

- Ruam.
- Masalah untuk menelan atau bernafas.

- Bengkak pada bibir, muka, tekak atau lidah.
- Rasa lemah, pening atau pitam.
- Loya.
- Ketidakselesaian / kesakitan.

Selepas anda menyapu krim, anda mungkin mengalami:

- Kegatalan, ruam, lepuh, kepedihan, ketidakselesaian, bengkak, kerengsaan atau kulit mengelupas.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan produk ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Homecare Fungizap[®] Cream 1% w/w

- Penyimpanan

- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

- Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.
- Jangan guna produk ini selepas tarikh luput. Tarikh luput telah dicetak atas label produk ini.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim yang berwarna putih hingga sedikit kekuningan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Clotrimazole

- Bahan tidak aktif

- *Miglyol 812 (Medium-Chain Triglycerides)*
- *Stearyl Alcohol*
- *White Petrolatum*
- *Dimethylpolysiloxane*
- *Tween 60 (Polysorbate 60)*
- *Span 60 (Sorbitan Monostearate)*
- *Activonol-PAF E91 (Phenoxyethanol & Ethylhexylglycerin)*
- *Disodium Edetate*
- *Purified Water*

- Nombor MAL

MAL26076014XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. INDUSTRIES (M) SDN. BHD.
(199001001034)
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

22/07/2026

Nombor siri

NPRA (R2) 25/146